

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 7 OGOS 2017

RUJUKAN : 10027

SOALAN:

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang dicadangkan untuk diambil untuk menangani masalah kematian di dalam lokap yang semakin berleluasa selepas kematian-kematian M. Thanaseelan, Soh Kai Chiok dan S. Balamurugan. Adakah terdapatnya cadangan untuk memperkenalkan undang-undang untuk mengelakkan kejadian-kejadian tersebut. Sekiranya tidak, nyatakan sebabnya .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius kes-kes kematian semasa dalam tahanan polis atau pihak penguatkuasaan yang lain dan tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang didapati menggunakan kekerasan hingga menyebabkan kecederaan atau kematian. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian akan disiasat secara terperinci dan tindakan tatatertib akan diambil atau dituduh di mahkamah.

Bagi mengatasi kes kematian dalam lokap, PDRM telah menyemak semula *Standard Operation Procedure (SOP)* yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baharu antaranya:

- a) memastikan borang pengesahan penyakit/kecederaan diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;**
- b) orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit berisiko tinggi hendaklah diasingkan daripada tahanan lain;**
- c) SUHAKAM dibenarkan untuk membuat lawatan bagi menentukan penahanan dilaksanakan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa;**

- d) orang tahanan hendaklah diasingkan mengikut kategori penahanan sama ada tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan mabuk, tahanan habitual, tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak;
- e) pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan; dan
- f) menjadikan naziran terhadap lokap polis secara berkala.

Kementerian belum bercadang untuk memperkenalkan undang-undang baharu bagi mengelakkan kematian dalam tahanan memandangkan undang-undang sedia ada sudah mencukupi untuk mengendalikan kes kematian dalam tahanan. Di samping itu, terdapat badan bebas seperti Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang memantau pusat-pusat tahanan dan menjalankan siasatan termasuk membuat pendengaran awam jika terdapat kes-kes melibatkan kematian dalam tahanan mengikut kuasa-kuasa yang termaktub dalam akta masing-masing.